

## KEMPEN “PEMBUKAAN CAWANGAN BAHARU DAMANSARA CITY”

Dikemaskini pada 30 Oktober 2017

### TARIKH PROMOSI

“Kempen Pembukaan Cawangan Baharu Damansara City” (“Promosi”) Hong Leong Bank Berhad (97141-X) (“HLB”) hanya sah berlaku di **Cawangan Damansara City HLB** (“Cawangan Sertain”) dan bermula pada 3 November 2017, 09:15:00 jam (9.15 pagi) hingga 16:00:00 jam (4.00 petang) (“Tarikh Promosi”). Promosi ini meliputi Akaun Semasa & Simpanan (“CASA/-i”), Kad Debit/-i, Deposit Tetap/-i, Bancassurance, Kad Kredit, Pinjaman/Pembiayaan Peribadi-i, Pinjaman/Pembiayaan Auto-i, Pembiayaan Hartanah/-i, Pindahan Telegraf Gadaian (TT) dan Promosi Pembiayaan Margin Saham dan Dana Unit Amanah (“Promosi UT”) pada Tarikh Promosi melainkan diberitahu sebaliknya.

Tarikh Pembukaan Cawangan Sertain dan Tarikh Promosi tertera dalam jadual di bawah:

Cawangan Sertain	Tarikh Pembukaan Cawangan	Tarikh Promosi 1 Hari
Cawangan Damansara City Aras 1, Menara Hong Leong No 6, Jalan Damanlela, Bukit Damansara, 50490 Kuala Lumpur	31 Oktober 2017	3 November 2017

### TERMA & SYARAT (T&S)

#### (A) HADIAH PEMBUKAAN AKAUN BAHARU DEPOSIT/-i

#### KELAYAKAN

- Akaun Semasa/-i atau Simpanan/-i (“CASA/-i”) dan Akaun Deposit Tetap/-i (“FD/-i”) baharu
  - Promosi Akaun Baharu Deposit/-i (“Promosi Deposit/-i”) ini terbuka kepada semua pelanggan individu baharu HLB/HLISB yang merupakan pemegang akaun utama CASA/-i dan/ atau FD/-i baharu tidak termasuk pelanggan Perbankan Persendirian (“Pemegang Akaun Deposit Baharu”).
  - Pemegang Akaun Deposit/-i baharu adalah pelanggan yang tidak mempunyai sebarang CASA/-i dan/atau FD/-i dengan HLB/Hong Leong Islamic Bank (“HLISB”) sebelum Tarikh Promosi.
  - Promosi Deposit/-i **TIDAK** terbuka kepada pelanggan bukan individu termasuk empunyai tunggal, syarikat, badan korporat, perkongsian dan amalan profesional.

#### MEKANISMA

- Pemegang Akaun Deposit baharu yang telah membuka **CASA/-i dan/atau FD/-i baharu** di Cawangan Sertain semasa Tarikh Promosi (“Pemegang Akaun Deposit Layak”) berhak mendapat 1 (satu) hadiah (“Hadiah Deposit”) seperti berikut:

##### a) CASA dan FD

Bil.	Akaun	Deposit Minimum (RM)	Hadiah Deposit	Kuantiti
1	Akaun “Pay&Save”	RM500	“Thermos Executive Tumbler” (0.5L)	40
2	Akaun Simpanan “Harvest”	RM1,000	“Harvest Tote bag”	40
3	Akaun “Junior” 3 dalam 1	RM200	“Fluffy lunch bag”	20
4	CASA baharu (lain daripada akaun 1, 2 & 3)	RM200	“Car boot organizer”	100
5	FD baharu	RM10,000	“Car boot organizer”	100

**b) CASA-i dan FD-i**

Bil.	Akaun	Deposit Minimum (RM)	Hadiah Deposit	Kuantiti
1	Akaun "Pay&Save-i"	RM500	Baucar AEON bernilai RM10	50
2	Akaun Simpanan Junior-i	RM200	Buku "Jurassic World"	20
3	FD-i baharu	RM10,000	Beg sandang	10

- Pemegang Akaun Deposit Layak hanya layak menerima **satu (1)** Hadiah Deposit daripada setiap Akaun atas dasar siapa cepat dia dapat sepanjang Tarikh Promosi.
- Hadiah Deposit akan diberi serta-merta pada masa itu juga kepada Pemegang Akaun Layak di Cawangan Sertaan di Damansara City Mall ("DC Mall") sebaik sahaja membuka CASA-i atau FD-i baharu.
- HLB/HLISB sama sekali tidak boleh dipertanggungjawabkan atas sebarang kehilangan, Hadiah Deposit yang koyak, rosak atau dicuri dan sebarang permintaan untuk gantian Hadiah Deposit tidak akan dilayani oleh HLB/HLISB.

**(B) PROMOSI GUNA & TEBUS KAD DEBIT/-i**
**KELAYAKAN**

- Promosi Guna & Tebus Kad Debit-i (Promosi Kad Debit") terbuka kepada semua Pemegang Kad Debit Hong Leong dengan Kad Debit HLB ("Pemegang Kad Debit") termasuk Kad Debit Mach yang dikeluarkan oleh HLB dan Kad Debit-i HLISB ("Kad Debit").

**MEKANISMA**

- Tertakluk kepada Fasal 12 di bawah, seratus (100) Pemegang Kad Debit pertama ("Pemegang Kad Debit Layak") yang **membelanjakan** minimum RM30.00 dalam satu resit menggunakan Kad Debit mereka di mana-mana peniaga dalam DC Mall pada Tarikh Promosi adalah layak menerima Hadiah Kad Debit yang berikut:-

Hadiah Kad Debit

Pemegang Kad Debit	Kad Debit HLB dan Kad Debit Mach	Kad Debit-i HLISB
<b>Hadiah Kad Debit</b>	Kotak Simpanan Hello Kitty Fruity – terhad kepada tiga ratus (300) unit sahaja	Baucar AEON bernilai RM10 – terhad kepada lima puluh (50) unit sahaja

- Pemberian Hadiah Kad Debit adalah atas dasar siapa cepat dia dapat, dihadkan kepada satu (1) penebusan Hadiah Kad Debit bagi setiap Pemegang Kad Debit Layak semasa Tarikh Promosi.
- Hadiah Kad Debit akan diberi kepada Pemegang Kad Debit Layak sebaik sahaja menyerahkan resit transaksi kad debit runcit asal di Cawangan Sertaan dalam DC Mall. Pemberitahuan akan dikeluarkan jika sekiranya mana-mana atau kesemua Hadiah Kad Debit kehabisan stok melalui notis bertulis di Cawangan Sertaan dalam DC Mall.
- Pemegang Kad Debit Layak mestilah menyerahkan resit transaksi kad debit/-i asal mereka, Kad Debit berkenaan dan Kad Pengenalan untuk pengesahan dan bukti pembelian di DC Mall pada hari pembelian yang sama pada masa Tarikh Promosi, antara 9.15 pagi hingga 4.00 petang. Hanya slip transaksi pada Tarikh Promosi sahaja akan diterima.
- Hadiah Kad Debit tidak boleh ditukar untuk wang tunai, juga tidak boleh digunakan bersempena program promosi lain, promosi, diskaun, baucar atau kad keistimewaan melainkan dinyatakan sebaliknya.
- Transaksi runcit Kad Debit bagi Promosi adalah termasuk apa-apa pembelian di tempat jualan dalam Ringgit Malaysia (RM) di dalam kawasan DC mall, tetapi tidak termasuk transaksi berikut:
  - Transaksi yang dibayar balik, dipertikaikan, tak berjaya, dibalikkan, tanpa kebenaran, melibatkan penipuan atau menyalahi undang-undang;
  - Pembayaran Yuran Pengeluaran/Yuran Tahunan/Yuran Pembaharuan Kad Debit: dan

- (iii) Apa-apa bentuk lain perkhidmatan atau yuran pelbagai yang dikenakan oleh HLB/HLISB (termasuk Caj Penalti oleh HLB).

13. HLB/HLISB sama sekali tidak boleh dipertanggungjawabkan atas sebarang kehilangan, Hadiah Kad Debit yang koyak, rosak atau dicuri dan sebarang permintaan untuk gantian Hadiah Kad Debit tidak akan dilayani oleh HLB/HLISB.

## **(C) PROMOSI DEPOSIT TETAP/-i**

### **KELAYAKAN**

14. Promosi Deposit Tetap/-i 6-bulan (“Promosi FD/-i”) terbuka kepada semua pemegang akaun yang baru dan sedia ada bagi Akaun Deposit Tetap/-i Hong Leong (“Akaun FD/-i”) sertaan seperti dinyatakan dalam Fasal 16 di bawah yang merupakan pelanggan individu warga Malaysia atau bukan warga Malaysia dan pelanggan bukan individu warga Malaysia atau bukan warga Malaysia (“Pelanggan FD/-i”).

15. Bagi mengelakkan sebarang keraguan :

- (i) Pemegang akaun baru bermaksud Pelanggan FD/-i yang tidak mempunyai sebarang Akaun FD/-i sertaan dengan HLB / HLISB sebelum Tarikh Promosi.
- (ii) Pelanggan bukan individu bermaksud persatuan, kelab, sekolah, pertubuhan, organisasi tidak berasaskan keuntungan, empunya tunggal, perkongsian dan amalan profesional yang sempurna didaftarkan atau diperbadankan di Malaysia, tidak termasuk syarikat dan badan korporat.

16. Akaun FD/-i sertaan bagi Promosi FD/-i adalah seperti berikut (“Akaun Sertaan”):

- (i) FD Konvensional
- (ii) ‘Senior Savers Flexi FD’
- (iii) ‘Priority Banking Premium FD’
- (iv) FD Islamik

17. Pelanggan FD/-i yang telah melakukan atau disyaki melakukan sebarang penipuan atau kesalahan berkaitan dengan mana-mana kemudahan yang diberi oleh HLB / HLISB atau telah diisytiharkan mufliis atau bakal dikenakan prosiding kemufliisan pada bila-bila masa sebelum atau semasa Tarikh Promosi dan sehingga 30 November 2017 **TIDAK** layak menyertai Promosi ini.

18. Pelanggan FD/-i yang telah melakukan atau dikenalpasti oleh HLB / HLISB berpotensi melakukan apa-apa kesalahan yang ditetapkan di dalam ini akan serta-merta terlucut kelayakan daripada menyertai Promosi.

### **MEKANISMA**

19. Pelanggan FD/-i yang telah membuat perletakan deposit di antara Amaun Perletakan FD/-i Minimum dan Amaun Perletakan FD/-i Maksimum (“Amaun FD/-i”) seperti yang dinyatakan dalam jadual di bawah) dalam Akaun FD/-i yang baru atau sedia ada masing-masing bagi Tempoh FD/-i yang dinyatakan di bawah semasa Tarikh Promosi akan menikmati Kadar FD/-i Promosi seperti berikut (“Pelanggan FD/-i Layak”):

<b>Produk</b>	<b>Tempoh FD/-i</b>	<b>Kadar FD/-i Promosi</b>	<b>Kadar FD/-i Efektif</b>	<b>Amaun Perletakan FD/-i Minimum</b>	<b>Amaun Perletakan FD/-i Maksimum</b>
FD Konvensional / ‘Senior Savers Flexi FD’ / ‘Priority Banking Premium FD’ / FD Islamik	6-bulan	4.88% setahun	4.88% setahun	RM10,000	RM200,000

20. Amaun Perletakan FD/-i minimum ialah **Ringgit Malaysia Sepuluh Ribu (RM10,000)** dan Amaun Perletakan FD/-i Maksimum ialah **Ringgit Malaysia Dua Ratus Ribu (RM200,000)**. Jika Amaun Perletakan FD/-i melebihi Amaun Perletakan FD/-i Maksimum yang ditetapkan atau jika mencapai saiz dana Promosi yang ditetapkan (RM40juta untuk FD atau RM10juta untuk FD-i), mengikut mana yang dahulu, Amaun FD/-i yang melebihi Amaun Perletakan FD/-i Maksimum yang ditetapkan atau sasaran Promosi yang ditetapkan akan tertakluk kepada kadar FD/-i semasa.

21. Promosi FD/-i ini sah bagi Dana Baru sahaja. “Dana Baru” ditakrifkan sebagai:

- (i) Wang tunai, GIRO antara bank, dana baru yang diterima melalui pindahan telegraf daripada bank lain, cek tempatan atau cek bank yang dikeluarkan oleh bank-bank lain dan deposit ke dalam Akaun FD/-i sedia ada atau baru Pelanggan Layak;

- (ii) Hasil daripada penebusan ekuiti, dana unit amanah, bon / sukuk dan / atau 'Hong Leong Invest Safe' semasa Tarikh Promosi yang dideposit semula ke dalam mana-mana Akaun Semasa/i atau Simpanan/i ("CASA-i") HLB / HLISB.
22. Yang berikut tidak boleh dianggap sebagai "Dana Baru":
- FD/i yang matang atau pengeluaran pramatang FD/i dari mana-mana akaun FD/i HLB / HLISB yang sedia ada;
  - Pindahan dana antara bank, iaitu pemindahan dana dari akaun HLB / HLISB yang lain (sama ada Simpanan/i, Semasa/i, Deposit Tetap, Deposit Tetap-i ("FD-i") atau Akaun Pelaburan Am ("GIA")); dan
  - Pindahan antara cawangan di dalam HLB dan HLISB termasuk pindahan pihak ketiga (ke-3).
23. Pelanggan FD/i Layak dikehendaki menamakan Akaun CASA/i yang dikekalkan dengan HLB / HLISB di bawah nama Pelanggan FD/i Layak ("CASA-i Namaan") bagi tujuan mengkreditkan faedah / keuntungan yang diperolehi di bawah Promosi ini.
24. Faedah / keuntungan yang diperolehi bagi FD Konvensional, FD Islamik dan 'Priority Banking Premium FD' akan dikreditkan ke dalam CASA/i Namaan Pelanggan Layak pada tarikh matang. Manakala kadar faedah yang diperolehi bagi 'Senior Savers Flexi FD' akan dikreditkan ke dalam CASA Namaan Pelanggan Layak pada setiap bulan.
25. Apabila tarikh matang, Amaun pokok FD/i akan diperbaharui secara automatik pada kadar faedah / keuntungan semasa FD/i masing-masing.
26. Pengeluaran sebahagian Amaun FD/i tidak dibenarkan bagi FD Konvensional dan FD Islamik. Bagi 'Priority Banking Premium FD' dan 'Senior Savers Flexi FD', tertakluk kepada Fasal 27 T&C di dalam ini, pengeluaran sebahagian Amaun FD dibenarkan dalam gandaan **Ringgit Malaysia Tiga Ribu (RM3,000)**. Akan tetapi, jika baki dalam 'Priority Banking Premium FD' dan / atau 'Senior Savers Flexi FD' kurang daripada **Ringgit Malaysia Sepuluh Ribu (RM10,000)**, maka pengeluaran sebahagian tidak dibenarkan bagi akaun tersebut.
27. Sekiranya FD/i dikeluarkan sebelum tarikh matang, maka peraturan Persatuan Bank di Malaysia ("ABM"), terutamanya Seksyen E (v) (untuk FD)/ Terma dan Syarat Deposit Tetap-i Seksyen 2.15 (untuk FD-i) akan dikenakan:
- Faedah / keuntungan tidak akan dibayar bagi mana-mana Amaun FD/i yang dikeluarkan sebelum genap tiga (3) bulan.
  - Sekiranya FD/i dikeluarkan dalam bulan keempat (ke-4) dan ke atas, Pelanggan FD/i Layak akan menerima 50% daripada faedah / keuntungan yang ditetapkan dan diperolehi bagi bulan-bulan genap atas Amaun pokok FD/i sahaja.
- HLB / HLISB berhak menolak balik dan memotong amaun yang setara dengan faedah / keuntungan yang dibayar kepada Pelanggan FD/i Layak bagi Amaun FD/i yang dikeluarkan sebelum tarikh matang, daripada Amaun pokok FD/i semasa pengeluaran.  
Pelanggan HLISB bersetuju melepaskan hak untuk menuntut harga jualan penuh bagi sebarang pengeluaran FD-i sebelum tarikh matang.
28. Amaun FD/i TIDAK boleh digunakan sebagai cagaran untuk tujuan menjamin apa-apa kemudahan kredit yang diperolehi atau akan diperolehi oleh Pelanggan FD/i Layak.

## **(D) PROMOSI BANCASSURANCE**

### **KELAYAKAN**

29. **Promosi Bancassurance ("Promosi Banca")** terbuka kepada semua pelanggan HLB baharu dan sedia ada termasuk warga Malaysia dan bukan warga Malaysia yang, semasa Tarikh Promosi, memohon mana-mana Produk "Premium Regular Bancassurance" sertaan seperti yang tersebut dalam Fasal 30 dan membayar **Premium Perniagaan Baharu** dengan **Saiz Premium Tahunan** minimum bagi Produk "Premium Regular Bancassurance" sertaan berkenaan ("Pelanggan Banca").
30. Produk "Premium Regular Bancassurance" sertaan bagi Promosi Banca ini adalah **Hong Leong "SMART Cash Insurance"**, **"Prestige Life"**, **Hong Leong "SMART5 Insurance"** dan **Hong Leong "SMART Value Insurance"** (secara kolektif disebut "**Produk-produk Banca**" dan secara individu disebut "**Produk Banca**") yang kesemuanya ditaja jamin oleh penginsurans, Hong Leong Assurance Berhad ("**HLA**").

31. Bagi mengelakkan keraguan:-

“**Premium Perniagaan Baharu**” bermaksud premium tahun pertama dibayar untuk pembelian mana-mana Produk Banca;

“**Saiz Premium Tahunan**” adalah jumlah premium amaun yang dibayar setiap tahun dengan minimum Ringgit Malaysia Enam Ribu (RM6,000) bagi Hong Leong “SMART Cash Insurance” serta “Prestige Life” dan Sepuluh Ribu (RM10,000.00) bagi Hong Leong “SMART5 Insurance” dan Hong Leong “SMART Value Insurance”.

32. Pelanggan Banca yang telah melakukan atau disyaki melakukan sebarang penipuan atau kesalahan undang-undang berkaitan dengan Produk-produk Banca dan/atau mana-mana kemudahan yang diberi oleh HLB atau telah diisytiharkan mufliis (menurut petisyen oleh sama ada HLB, bank-bank lain atau mana-mana pihak ketiga) atau bakal dikenakan prosiding kemufliisan pada bila-bila masa sebelum atau semasa Tarikh Promosi **TIDAK** layak menyertai Promosi Banca.

## **MEKANISMA**

33. Tertakluk kepada T&S, setiap seorang daripada sepuluh (10) pertama Pelanggan Banca yang memenuhi kriteria di atas (“**Pelanggan-pelanggan Banca Layak**”, setiap seorang “**Pelanggan Banca Layak**”) adalah layak mendapat satu (1) e-Baucar Lazada (“**e-Baucar**”) menurut kaedah di bawah semasa Tarikh Promosi di Cawangan Sertaan.

### **Baucar Hadiah Dalam Talian Pelanggan (Banca)**

<b>Produk Banca Banca</b>	<b>Hadiah</b>	<b>Had Ketersediaan (unit)</b>	<b>Kaedah</b>
<b><u>Kumpulan A</u></b> <ul style="list-style-type: none"> <li>HL “SMART Value Insurance”</li> <li>HL “SMART 5 Insurance”</li> </ul>	e-Baucar Lazada (RM150)	10	Pelanggan Banca Layak yang mendaftar untuk Produk Banca sertaan di bawah <b>Kumpulan A</b> dengan saiz premium minimum <b>RM10,000</b> berhak mendapat baucar dalam talian Lazada bernilai RM150
<b><u>Kumpulan B</u></b> <ul style="list-style-type: none"> <li>HL “SMART Cash Insurance” “Prestige Life”</li> </ul>	e-Baucar Lazada (RM150)		Pelanggan Banca Layak yang mendaftar untuk Produk Banca Sertaan di bawah <b>Group B</b> dengan saiz premium minimum <b>RM6,000</b> berhak mendapat baucar dalam talian Lazada bernilai RM150 .

34. Pemberian e-Baucar adalah atas dasar siapa cepat dia dapat dan bergantung kepada ketersediaan stok. E-Baucar mempunyai tempoh sah selama enam (6) bulan bermula dari tarikh pengeluaran e-Baucar ini.

35. e-Baucar yang mengandungi kod diskaun akan dihantar kepada kepada alamat emel Pelanggan Banca Layak jika HLB tidak menerima pemberitahuan bertulis (melalui pos atau emel) daripada Pelanggan Banca Layak tersebut tentang penarikan keluarnya daripada Produk Banca selepas lima belas (15) hari kalendar Tempoh Bertenang sebaik sahaja polisi insurans berjalan kuat kuasa. e-Baucar akan dihantar kepada alamat emel Pelanggan Banca Layak dalam masa 30 hari kalendar setelah polisinya berjalan kuat kuasa (“**Tarikh Pengumuman**”). Pelanggan Banca berkewajipan memberi alamat emel yang terkini dan tepat dan HLB tidak boleh dipertanggungjawabkan jika sekiranya e-Baucar tidak dapat dihantar kepada alamat emel Pelanggan Banca Layak atas apa jua sebab sekalipun.

36. Pelanggan Banca Layak hendaklah menanggung sepenuhnya segala cukai, yuran kerajaan atau apa-apa caj lain yang mungkin dikenakan terhadap mereka di bawah undang-undang berkenaan, jika ada, berkaitan dengan e-Baucar.

37. Terma dan syarat yang terpakai kepada e-Baucar adalah di luar kawalan HLB dan ditentukan oleh LAZADA. Sebarang pertikaian berkaitan dengan terma dan syarat e-Baucar hendaklah diselesaikan secara langsung oleh Pelanggan Banca Layak dengan LAZADA tanpa bantuan HLB. e-Baucar tidak boleh dipindah milik

kepada mana-mana pihak ketiga dan tidak boleh ditukar untuk wang tunai muka, kredit, cek atau manfaat barangan

Jika sekiranya e-Baucar tidak diterima, maka Pelanggan Banca Layak bertanggungjawab memberitahu HLB melalui surat tidak lewat dari 30 hari selepas Tarikh Pengumuman daripada HLB, sekiranya gagal, kod e-Baucar akan dianggap telah diterima oleh Pelanggan Banca Layak dan HLB tidak akan melayani sebarang aduan ketidakterimaan e-Baucar oleh Pelanggan Banca Layak selepas tamatnya tarikh akhir tersebut (iaitu 15 hari selepas Tarikh Pengumuman).

## **(E) PROMOSI KAD KREDIT**

### **KELAYAKAN**

38. Promosi Kad Kredit (“Promosi Kad Kredit”) terbuka untuk penyertaan oleh semua individu warga Malaysia Baharu-kepada-Kad (“NTC”) yang semasa Tarikh Promosi memohon mana-mana Kad Kredit HLB Utama di Cawangan Sertaan (“Pemohon”).
39. Individu warga Malaysia Utama NTC adalah individu yang bukan Pemegang Kad Kredit HLB Utama (termasuk Mach dan bekas EON Bank Berhad).
40. Yang berikut TIDAK layak menyertai Promosi Kad Kredit ini:
- (i) Pemegang Kad Utama sedia ada mana-mana Kad Kredit HLB;
  - (ii) Pemegang Kad yang tidak lagi memegang mana-mana Kad Kredit HLB sah dan/atau Pemegang Kad yang akaun Kad Kredit mereka telah tertunggak (culas);
  - (iii) Pemegang Kad yang telah membatalkan Kad Kredit HLB mereka dan telah memohon semula Kad Kredit HLB baharu sebagai Pemegang Kad Utama dalam masa dua belas (12) bulan dari tarikh pembatalan tersebut; dan
  - (iv) Pemegang Kad yang telah melakukan atau disyaki melakukan sebarang penipuan atau kesalahan undang-undang berkaitan dengan mana-mana kemudahan yang diberi oleh HLB atau telah diisytiharkan mufliis (menurut petisyen oleh sama ada bank atau mana-mana pihak ketiga) atau bakal dikenakan prosiding kemufliisan pada bila-bila masa sebelum, semasa atau selepas Tempoh Kempen.

### **MEKANISMA**

41. Pemohon akan berhak mendapat hadiah berikut (“Hadiah Kad Kredit”) tertakluk kepada kriteria yang ditetapkan (“Pemohon Kad Kredit Layak”):

- (i) Beg Troli Valentino 19" (Hijau) – Tawaran 1

Pemohon Kad Kredit Layak hendaklah memohon, lengkap dengan dokumen-dokumen yang dikehendaki, sama ada:-

- (a) Mana-mana 2 kad kredit HLB yang satu daripadanya mesti bukan kad kredit Mach; atau
- (b) 1 kad kredit Visa Infinite

Tertakluk kepada 1 jam kelulusan kad kredit yang dimohon dan dihadkan kepada 100 pertama Pemohon Kad Kredit Layak yang diluluskan.

Bagi mengelakkan keraguan, jika sekiranya 2 kad kredit HLB dimohon dan bukan 1 kad kredit Visa Infinite, maka kedua-dua kad kredit HLB itu mesti diluluskan supaya Pemohon Kad Kredit Layak boleh mendapat Hadiah Kad Kredit di bawah Tawaran 1.

- (ii) Kipas Menara Pensonic (model: PTW 110) – Tawaran 2

Pemohon Kad Kredit Layak hendaklah memohon sama ada:-

- (a) Mana-mana 2 kad kredit HLB yang satu daripadanya mestilah bukan kad kredit Mach dan 1 produk bank HLB; atau
- (b) 1 kad kredit Visa Infinite dan 1 produk HLB

Tertakluk kepada kelulusan kad kredit yang dimohon dan dihadkan kepada 100 pertama Pemohon Kad Kredit Layak yang diluluskan. Jika sekiranya 2 kad kredit HLB dimohon dan bukan 1 kad kredit Visa Infinite, maka

kedua-dua kad kredit HLB mestilah diluluskan supaya Pemohon Kad Kredit Layak boleh mendapat Hadiah Kad Kredit di bawah Tawaran 2.

Kipas Menara Pensonic akan dihantar kepada Pemohon Kad Kredit Layak dalam masa 6-8 minggu dari tarikh kelulusan kad. Jika sekiranya Kipas Menara Pensonic tidak dapat diserahkan kepada Pemohon Kad Kredit Layak atas apa jua sebab sekalipun, atau jika sekiranya alamat yang diberi oleh Pemohon Kad Kredit Layak tidak tepat atau dianggap sukar disampaikan oleh HLB, maka Pemohon Kad Kredit Layak dikehendaki mengambilnya daripada Cawangan Sertaan dalam masa 14 hari dari tarikh penerimaan pemberitahuan SMS daripada HLB, jika gagal, maka HLB berhak melupuskan Kipas Menara Pensonic itu.

Bagi mengelakkan keraguan, produk bank HLB bermaksud CASA/-i, Deposit Tetap/-i, Pengurusan Harta, Pinjaman/Pembiayaan Peribadi-i, Pinjaman/Pembiayaan Auto-i, Pembiayaan Hartanah/-i, Bancassurance dan Pembiayaan Margin Saham.

(iii) Pengecualian Yuran Tahunan Tahun Pertama – hanya terpakai kepada kad kredit yang dimohon menurut Tawaran 1 atau Tawaran 2

(a) Pemohon Kad Kredit Layak yang melakukan minimum SATU (1) Perbelanjaan Runcit menggunakan Kad Kredit Utama HLB yang dikeluarkan di bawah Promosi Kad Kredit ini dalam masa EMPAT PULUH LIMA (45) hari dari tarikh kelulusan Kad Kredit Utama HLB akan berhak menikmati pengecualian yuran tahunan tahun pertama. Pengecualian yuran tahunan tahun seterusnya adalah tertakluk kepada terma dan syarat pengecualian yuran tahunan sedia ada. Untuk butiran lanjut, semaklah muka surat produk masing-masing dalam laman web HLB di [www.hlb.com.my](http://www.hlb.com.my) (“Laman Web HLB”).

(b) Bagi mengelakkan keraguan, Perbelanjaan Runcit adalah berdasarkan kriteria berikut:

- i. Perbelanjaan Runcit di dalam ini adalah meliputi pembelian runcit dan dalam talian, arahan tetap, Pelan Pembayaran Mudah 0% Faedah (EPP) dan Pelan Ansuran Faedah Sifar (ZIIP) yang diurus niaga di dalam dan di luar negara.
- ii. Perbelanjaan Runcit tidak termasuk pendahuluan tunai, Pindahan Baki (BT), “Cash-on-Call” (COC), “Call-for-Cash” (CFC), “Call-For-Cash Plus” (CFC+), Pelan Pembayaran Fleksi (FPP), pindahan dana, yuran dan caj yang dikenakan oleh HLB.

42. Bagi mengelakkan keraguan, pada dasarnya Pemohon berkewajipan memberi dokumen-dokumen lengkap yang dikehendaki seperti tersebut dalam Fasal 41 di atas dan HLB berhak menolak mana-mana permohonan jika sekiranya Pemohon gagal memberi dokumen-dokumen lengkap yang dikehendaki.

43. HLB sama sekali tidak boleh dipertanggungjawabkan atas sebarang kehilangan, Hadiah Kad Kredit yang koyak, rosak atau dicuri dan sebarang permintaan untuk gantian Hadiah Kad Kredit tidak akan dilayani oleh HLB.

## **(F) PROMOSI PINJAMAN/PEMBIAYAAN PERIBADI-I**

### **KELAYAKAN**

44. Kempen terbuka kepada semua individu warga Malaysia yang

- (a) berumur antara Dua Puluh Satu (21) hingga Enam Puluh (60) tahun;
- (b) berpendapatan minimum Ringgit Malaysia Dua Puluh Empat Ribu (RM24,000) setahun;
- (c) memohon Pinjaman/Pembiayaan Peribadi-i Hong Leong baharu berjumlah minimum Ringgit Malaysia Lima Ribu (RM5,000.00) (“Kemudahan”) bertempoh lima (5) tahun SAHAJA, secara terus di Cawangan HLB Damansara City
- (d) menerima Kemudahan dalam masa tiga puluh (30) hari kalendar dari tarikh permohonan dalam Tempoh Kempen; dan
- (e) pembayaran Kemudahan diselesaikan pada atau sebelum 30 November 2017 (“Pelanggan Layak”).

45. Yang berikut **TIDAK** layak menyertai Promosi Pinjaman/Pembiayaan Peribadi-i ini:

- (i) Kakitangan HLB/HLISB sama ada secara tetap atau kontrak, kakitangan mana-mana wakil atau ejen HLB dan HLISB (termasuk juruaudit luar, vendor, pembekal, ejen pengiklanan dan Kempen) dan ahli-ahli keluarga terdekat masing-masing (iaitu pasangan, anak-anak, ibu bapa, adik-beradik);
- (ii) Pemohon Pinjaman/Pembiayaan Peribadi-i yang telah melakukan atau disyaki melakukan sebarang penipuan atau kesalahan undang-undang berkaitan dengan mana-mana kemudahan yang diberi oleh HLB/HLISB atau telah diisytiharkan muflis (menurut petisyen oleh sama ada bank atau mana-mana pihak ketiga) atau bakal dikenakan prosiding kemuflihan pada bila-bila masa sebelum atau semasa Tarikh Promosi; dan
- (iii) Pemohon Pinjaman/Pembiayaan Peribadi-i yang telah melakukan, atau ditentukan oleh HLB/HLISB berpotensi melakukan apa-apa kesalahan yang ditetapkan di dalam ini akan terlucut kelayakannya serta-merta daripada menyertai Promosi Pinjaman/Pembiayaan Peribadi-i; dan
- (iv) Pelanggan bukan individu.

## **MEKANISMA**

46. Pelanggan Pinjaman/Pembiayaan Peribadi-i Layak yang menyertai Promosi Pinjaman/Pembiayaan Peribadi-i akan berhak menikmati Kadar Faedah/Keuntungan **SIFAR** 12 Bulan yang menjimatkan 12 bulan faedah/keuntungan kena bayar bagi Kemudahan (“Pulangan Tunai”) semasa Tempoh Kemudahan selaras dengan terma dan syarat berikut:

- (i) Kadar Faedah/Keuntungan SIFAR 12 Bulan dikira seperti dalam contoh berikut:

<b>Amaun Pembiayaan</b>	<b>Tempoh Kemudahan (Tahun)</b>	<b>Kadar Faedah/Keuntungan (setahun)</b>	<b>Faedah/Keuntungan Kena Bayar selama 5 tahun / 60 bulan</b>	<b>12 Bulan Faedah/Keuntungan Kena Bayar</b>	<b>Jumlah Faedah/Keuntungan Kena Bayar melalui Kempen ini</b>	<b>Pulangan Tunai</b>
5,000	5	12.50%	3,125	625	2,500	<b>625</b>
10,000	5	12.50%	6,250	1,250	5,000	<b>1,250</b>
20,000	5	12.50%	12,500	2,500	10,000	<b>2,500</b>
30,000	5	12.50%	18,750	3,750	15,000	<b>3,750</b>
40,000	5	12.50%	25,000	5,000	20,000	<b>5,000</b>
50,000	5	12.50%	31,250	6,250	25,000	<b>6,250</b>

- (ii) Pelanggan Pinjaman/Pembiayaan Peribadi-i Layak yang menjelaskan amaun ansuran bulanan Kemudahan pada atau sebelum tarikh matang setiap bulan dalam Tempoh Kemudahan akan berhak mendapat Pulangan Tunai.
- (iii) Pulangan Tunai akan dibayar setiap bulan dengan Pulangan Tunai pertama dibayar selepas ansuran bulanan ketujuh (ke-7) dijelaskan oleh Pelanggan Pinjaman/Pembiayaan Peribadi-i Layak. Pulangan Tunai yang dikenakan kepada Ringgit Malaysia Satu (RM1) terhampir akan dikreditkan ke dalam akaun Kemudahan aktif dan sah Pelanggan Pinjaman/Pembiayaan Peribadi-i Layak satu (1) hari selepas tarikh matang ansuran bulanan.
- (iv) Pulangan Tunai terakhir berserta dengan pelarasan hasil pembayaran penggenapan lebih awal akan dijelaskan enam (6) bulan sebelum ansuran akhir Kemudahan dijelaskan oleh Pelanggan Pinjaman/Pembiayaan Peribadi Layak.
- (v) Pulangan Tunai bulanan akan dianggap sebagai pembayaran pendahuluan dalam akaun Kemudahan.
- (vi) Bagi mengelakkan keraguan, jika sekiranya mana-mana ansuran bulanan tidak dijelaskan dengan cepat atau tertinggal bayaran semasa Tempoh Kemudahan oleh Pelanggan Pinjaman/Pembiayaan Peribadi-i Layak, maka kelayakan untuk menerima Pulangan Tunai akan terhenti serta-merta.
- (vii) Pelanggan Pinjaman/Pembiayaan Peribadi-i Layak bertanggungjawab memberitahu HLB/HLISB melalui surat tidak lewat dari satu (1) bulan dari tarikh matang ansuran bulanan ketujuh (ke-7) dan/atau bulan-bulan seterusnya jika sekiranya tidak menerima Pulangan Tunai bulanan, jika gagal, maka Pelanggan Pinjaman/Pembiayaan Peribadi-i Layak dianggap telah menerima Pulangan Tunai daripada HLB/HLISB dan sebarang pertikaian tidak akan dilayani HLB/HLISB.
- (viii) Kelayakan Pelanggan Pinjaman/Pembiayaan Peribadi-i Layak untuk mendapat Pulangan Tunai akan terlucut dan bayaran Pulangan Tunai selanjutnya akan ditamatkan serta-merta apabila berlaku salah satu perkara yang berikut:



- (a) Pelanggan Pinjaman/Pembiayaan Peribadi-i Layak gagal menjelaskan mana-mana ansuran bulanan Kemudahan pada tarikh matang, atau apa-apa jumlah lain yang terhutang di bawah Kemudahan apabila diminta oleh HLB/HLISB;
- (b) Notis penyelesaian awal diberi oleh Pelanggan Pinjaman/Pembiayaan Peribadi-i Layak sebelum tarikh matang Tempoh Kemudahan; atau
- (c) Pelanggan Pinjaman/Pembiayaan Peribadi-i Layak telah melakukan atau disyaki melakukan sebarang penipuan atau kesalahan berkaitan dengan Kemudahan.

## **(G) PROMOSI PINJAMAN /PEMBIAYAAN AUTO-i**

### **KELAYAKAN**

47. Promosi Tawaran RM1 Hong Leong/Hong Leong Islamic ("Promosi Pinjaman/Pembiayaan Auto-i") hanya boleh disertai oleh pelanggan HLB/HLISB ("Pelanggan Pinjaman/Pembiayaan Auto-i") yang permohonan Pinjaman/Pembiayaan Auto-i Hong Leong/Hong Leong Islamic ( PAHL) diterima oleh Cawangan Sertaan, iaitu **Cawangan Damansara City** pada Tarikh Promosi, iaitu 3 November 2017 dan dibiayai sebelum 30 November 2017 ("Tarikh Pembiayaan"). Tarikh Pembiayaan bermaksud tarikh jumlah pembayaran HLAL/F.

### **MEKANISMA**

48. Promosi Pinjaman/Pembiayaan Auto-i dihadkan kepada 10 Pelanggan Pinjaman/Pembiayaan Auto-i pertama atas dasar siapa cepat dia dapat berdasarkan Tarikh Pembiayaan ("Pelanggan Pinjaman/Pembiayaan Auto-i Berkelayakan").

49. Pelanggan Pinjaman/Pembiayaan Auto-i Berkelayakan hanya akan membayar RM1 pada ansuran bulanan pertama manakala baki ansuran pertama, tidak melebihi RM999.00 ("Pengecualian") akan dikecualikan oleh HLB/HLISB.

50. Pengecualian ini akan dikreditkan kepada akaun HLAL/F Pelanggan Pinjaman/Pembiayaan Auto-i Kelayakan dalam masa tiga puluh (30) hari dari tarikh pembiayaan. Pinjaman/Pembiayaan Auto-i Berkelayakan bertanggungjawab memberitahu HLB/HLISB melalui surat tidak lewat dari two(2) bulan dari 30 hari dari tarikh pembiayaan sekiranya tidak menerima Pengecualian, maka Pelanggan Pinjaman/Pembiayaan Auto-i Berkelayakan dianggap telah menerima Pengecualian itu daripada HLB/HLISB dan sebarang pertikaian kemudiannya tidak akan dilayani oleh HLB/HLISB.

Pada dasarnya Pelanggan Pinjaman/Pembiayaan Auto-i bertanggungjawab memberi / menyediakan segala dokumen berkenaan yang dikehendaki oleh HLB/HLISB Pinjaman/Pembiayaan Auto-i upaya HLB/HLISB dapat meluluskan PAHLnya. HLB/HLISB tidak bertanggungjawab jika PAHL nya ditolak atau sekiranya tarikh pembiayaan terlewat atas apa jua sebab sekalipun, termasuk tetapi tidak terhad kepada dokumen tidak mencukupi diberi oleh Pelanggan Pinjaman/Pembiayaan Auto-i seperti yang dikehendaki HLB/HLISB supaya HLB/HLISB dapat membayar jumlah PAHL tepat pada masanya. Sebarang pertikaian berkenaan dengan kelewatan Tarikh Pembiayaan atau penolakan permohonan PAHL tidak akan dilayani.

51. Akaun PAHL mestil kekal aktif dan tidak boleh dilangsaikan / ditutup semasa atau pada masa pengkreditan Pengecualian.

52. Pengecualian tidak boleh ditukar untuk wang tunai muka, cek atau manfaat barangan.

53. HLB/HLISB berhak pada bila-bila masa t dengan memberi notis terdahulu untuk menambah, menggugurkan, menggantung atau meminda terma dan syarat yang terkandung di dalam ini secara keseluruhan atau sebahagian dan/atau membatalkan atau menamatkan tawaran ini atas budi bicara mutlakny.

## **(H) PROMOSI PEMBIAYAAN HARTANAH/-i**

### **KELAYAKAN**

54. Promosi Pembiayaan Hartanah/-i ("Promosi Pembiayaan Hartanah/-i") terbuka kepada pemegang akaun pembiayaan hartanah/-i individu warga Malaysia dan bukan warga Malaysia yang baharu dan juga sedia ada dengan HLB/HLISB ("Pelanggan Pembiayaan Hartanah/-i"). Untuk mendapat Hadiah Penerimaan Pembiayaan Hartanah/-i seperti disebut dalam Fasal 60 di bawah, Pelanggan Pembiayaan Hartanah/-i dikehendaki memohon kemudahan baharu di bawah mana-mana produk pembiayaan hartanah/-i terpilih berikut seperti

tersenarai di bawah (“Kemudahan Sertaan”) dengan amaun kemudahan minimum Ringgit Malaysia Tiga Ratus Ribu (RM300,000) sahaja semasa Tarikh Promosi dan menerima Kemudahan Sertaan tersebut dengan menandatangani Surat Tawaran pada 15 Disember 2017 atau sebelum (“Tarikh Penerimaan”):-

- a. Hong Leong “Housing”/”Shop” Loan;
- b. Hong Leong “MortgagePlus Housing”/”Shop Loan”; atau
- c. Hong Leong “CM Flexi Property Financing-i” (Pembiayaan Perumahan/Kedai).

(“Pelanggan Pembiayaan Hartanah/-i Layak”).

55. Kemudahan Sertaan terpakai bagi tujuan pembiayaan serta juga pembiayaan semula (harta kediaman dan bukan kediaman sama ada sudah siap dan/atau sedang dibina).

56. Bagi mengelakkan keraguan, mereka yang berikut ini TIDAK layak menyertai Promosi Pembiayaan Hartanah/-i ini :

- i. kakitangan tetap dan kontrak Kumpulan Hong Leong (termasuk syarikat-syarikat subsidiari dan syarikat berkaitan); dan/atau
- ii. kakitangan HLB/HLISB, rakan kongsi niaga HLB/HLISB, wakil atau ejen (termasuk juruaudit luar, vendor, pembekal, ejen pengiklanan dan promosi) dan ahli-ahli keluarga terdekat masing-masing (cth. pasangan, anak-anak, ibu bapa, adik-beradik); dan/atau
- iii. pelanggan yang telah melakukan atau disyaki melakukan sebarang penipuan atau kesalahan undang-undang berkaitan dengan mana-mana kemudahan yang diberi oleh HLB/HLISB atau telah diisytiharkan muflis atau bakal dikenakan prosiding kemuflihan pada bila-bila masa sebelum atau semasa Tarikh Promosi.

57. Bagi mengelakkan keraguan, apabila terdapat pemohon bersama, maka nama yang pertama muncul dalam rekod HLB/HLISB akan dikira pemohon utama (“Pemohon /Pembiayaan Hartanah/-i Utama”). Bagi tujuan Promosi Pembiayaan Hartanah/-i ini, hanya Pemohon Pembiayaan Hartanah/-i Utama layak mendapat Hadiah Penerimaan Pembiayaan Hartanah/-i.

58. Pada dasarnya Pelanggan Pembiayaan Hartanah/-i bertanggungjawab memberi / menyediakan segala dokumen berkenaan yang dikehendaki HLB/HLISB supaya HLB/HLISB dapat meluluskan Kemudahan Sertaan. HLB/HLISB tidak akan bertanggungjawab jika sekiranya Kemudahan Sertaan ditolak atau Pelanggan Pembiayaan Hartanah/-i sukar menerima Surat Tawaran berkenaan pada atau sebelum 15 Disember 2017, atas apa jua sebab sekalipun (termasuk tetapi tidak terhad kepada dokumen tak mencukupi untuk mendapat kelulusan Kemudahan Sertaan)

## **MEKANISMA**

59. Ada empat (4) jenis Baucar Tunai SENHENG yang akan diedarkan kepada Pelanggan Pembiayaan Hartanah/-i Layak menurut amaun pembiayaan (secara kolektif disebut “Hadiah Penerimaan Pembiayaan Hartanah/-i”).

60. Hadiah Penerimaan Pembiayaan Hartanah/-i tersedia seperti berikut:

<b>Jenis Amaun Pembiayaan</b>	<b>Baucar Tunai SENHENG (RM)</b>
<b>RM300,000 - RM600,000</b>	<b>550</b>
<b>RM600,000 - &lt;RM800,000</b>	<b>650</b>
<b>RM800,000 - &lt;RM1,000,000</b>	<b>850</b>
<b>=/&gt;RM1,000,000</b>	<b>1,500</b>

61. Terma dan syarat yang terpakai bagi penggunaan Hadiah Penerimaan Pembiayaan Hartanah/-i adalah di luar kawalan HLB/HLISB dan secara mutlaknya ditentukan oleh pihak SENHENG Electric (KL) Sdn. Bhd dan ditetapkan dalam Baucar Tunai SENHENG. Sebarang pertikaian berkaitan dengan terma dan syarat Hadiah Penerimaan Pembiayaan Hartanah/-i hendaklah diselesaikan secara langsung antara Pelanggan Pembiayaan Hartanah/-i Layak dengan SENHENG Electric (KL) Sdn. Bhd tanpa bantuan HLB/HLISB. HLB/HLISB tidak akan bertanggungjawab untuk mengganti atau membatalkan Hadiah Penerimaan Pembiayaan Hartanah/-i akibat pertikaian tersebut.

62. Hadiah Penerimaan Pembiayaan Hartanah/-i tidak boleh dipindah milik kepada mana-mana pihak ketiga dan tidak boleh ditukar untuk wang tunai muka, kredit, cek atau manfaat barangan.

## **(I) PROMOSI PEMBIAYAAN MARGIN SAHAM**

### **KELAYAKAN**

- 63 Promosi Pembiayaan Margin Saham ini (“Promosi SMF”) terbuka kepada semua pelanggan baru dan sedia ada HLB yang menyerahkan permohonan baharu untuk Fasiliti Pembiayaan Margin Saham HLB (“Fasiliti SMF”) pada Tarikh Promosi di Cawangan Sertaan dengan had pinjaman minimum RM100,000 (“Pelanggan SMF”).
- 64 Individu yang berikut adalah TIDAK layak menyertai Kempen ini:
- (i) Pelanggan yang telah melakukan atau disyaki melakukan sebarang penipuan, menyalahi undang-undang tindakan salahlaku dengan mana-mana kemudahan yang diberi oleh HLB, telah diisytiharkan kebangkrapan muflis atau tertakluk kepada apa-apa prosiding kebangkrapan pada bila-bila masa sebelum atau sepanjang Tempoh Kempen;
  - (ii) Pelanggan yang telah melakukan, atau didapati oleh HLB berkemungkinan untuk melakukan mana-mana kesalahan seperti yang tertera di atas.
  - (iii) Pelanggan yang membuat permohonan Fasiliti ini untuk pembiayaan Skim Opsyen Syer Pekerja (ESOS) dan Saham Terbitan Awam (IPO)
  - (iv) Pelanggan sedia ada yang mempunyai Akaun Pembiayaan Margin Saham (“Akaun SMF”) sebelum Tempoh Kempen menghantar permohonan baru untuk tambah nilai pada Fasiliti yang sedia ada semasa Tempoh Kempen.
  - (v) Pelanggan sedia ada yang telah menutup Akaun SMF dahulu dan telah membuat permohonan pembukaan Akaun SMF yang baharu dalam tempoh kurang dari setahun daripada tarikh penutupan akaun SMF terdahulu .
  - (vi) Pekerja HLB/HLISB sama ada secara tetap atau secara kontrak.

### **MEKANISMA**

- 65 Tiga (3) Pelanggan SMF pertama yang menyerahkan permohonan semasa Tarikh Promosi di Cawangan Sertaan dan menerima Fasiliti SMF dalam masa 60 hari dari tarikh penyerahan (“Pelanggan SMF Layak”) adalah layak mendapat pengecualian 12 bulan yuran langganan EquitiesTracker.com (“Yuran Langganan Equities Tracker”). Bagi mengelakkan keraguan, HLB tidak akan bertanggungjawab jika sekiranya Pelanggan SMF tidak berjaya menerima Fasiliti SMF dalam jangka masa yang disebutkan atau atas apa jua sebab sekalipun. Pelanggan SMF berkewajipan menyediakan segala dokumen yang dikehendaki (jika ada) supaya HLB dapat meluluskan permohonan Fasiliti SMF dengan secepat mungkin.
- 66 Terma dan syarat yang terpakai bagi langganan dan penggunaan EquitiesTracker.com adalah di luar kawalan HLB dan adalah ditentukan oleh pihak EquitiesTracker.com. Sebarang pertikaian berkaitan dengan terma dan syarat dan penggunaan EquitiesTracker.com hendaklah diselesaikan secara langsung oleh Pelanggan SMFLayak dengan EquitiesShare.com tanpa bantuan HLB. HLB juga tidak berkewajipan membayar atau bertanggungjawab atas sebarang yuran / caj tambahan yang mungkin dikenakan oleh EquitiesTracker.com (jika ada).

## **(J) PROMOSI PINDAHAN BERTELEGRAF (TT)**

### **KELAYAKAN**

- 67 Promosi Pindahan Bertelegraf (“Promosi TT”) terbuka kepada semua pelanggan individu dan bukan individu HLB (“Pelanggan HLB”), melainkan dinyatakan sebaliknya.
- 68 Bagi mengelakkan sebarang kemusykilan:
- (i) pelanggan bukan individu merujuk kepada persatuan, pemilikan tunggal, perkongsian dan syarikat sendirian berhad seperti perusahaan kecil dan sederhana mikro yang tidak berasaskan pembuatan yang mempunyai pusing ganti jualan tahunan berjumlah Ringgit Malaysia Lima Juta (RM5 juta) dan ke bawah;
  - (ii) HLB boleh mengecualikan mana-mana pihak lain atas dasar keputusannya sendiri tanpa perlu dinyatakan sebarang sebab; dan

(iii) kakitangan HLB dan HLISB adalah dikecualikan daripada Promosi TT ini.

- 69 Pengiriman wang melalui TT mestilah dilakukan dalam Ringgit Malaysia (RM) dan ditukarkan mengikut kadar tukaran mata wang asing semasa HLB.
- 70 Penyertaan dalam Promosi TT ini adalah tertakluk kepada T&S yang telah dinyatakan di sini serta Terma dan Syarat umum yang tercatat pada Borang Kiriman Wang HLB.

### **MEKANISMA**

- 71 Pelanggan HLB boleh mendapatkan kad petrol PETRONAS yang bernilai Ringgit Malaysia Lima Puluh (RM50) (“Baucar TT”) apabila Pelanggan HLB melakukan transaksi TT dengan pengiriman minimum sejumlah Ringgit Malaysia Dua Puluh Ribu (RM20,000) di Cawangan Terpilih.
- 72 Promosi TT ini hanya sah semasa Tarikh Promosi dan sejumlah lima puluh (50) Baucar TT akan diperuntukkan bagi Promosi TT ini atas dasar siapa cepat dia dapat.
- 73 Kriteria kelayakan untuk memperoleh Baucar TT ini adalah:-
- (i) Pelanggan HLB perlu melakukan transaksi TT di Cawangan Terpilih semasa Tarikh Promosi ;
  - (ii) dana pengiriman tersebut perlulah didebit dari mana-mana akaun sah Pelanggan HLB; dan
  - (iii) pengiriman wang melalui TT mestilah dilakukan dalam Ringgit Malaysia (RM) dan ditukarkan mengikut kadar tukaran mata wang asing semasa HLB.
- (“Pelanggan TT Yang Layak”)
- 74 Pelanggan HLB yang melakukan transaksi tunai di cawangan HLB tanpa didebit dari mana-mana akaun HLB adalah tidak layak untuk menyertai Promosi TT ini.
- 75 Terma dan syarat yang terpakai bagi penggunaan Baucar TT adalah di luar kawalan HLB dan ditentukan sepenuhnya oleh PETRONAS seperti yang ditetapkan pada Baucar TT. Sebarang pertikaian berkaitan dengan terma dan syarat Baucar TT hendaklah diselesaikan secara langsung antara Pelanggan TT Yang Layak dengan PETRONAS tanpa penglibatan HLB. HLB tidak akan bertanggungjawab untuk mengganti atau membatalkan Baucar TT akibat pertikaian tersebut.
- 76 Baucar TT tidak boleh dipindah milik kepada mana-mana pihak ketiga (ke-3) dan tidak boleh ditukar ganti kepada wang tunai, kredit, cek dan/atau barangan.

### **(K) PROMOSI “SUPER POWERLINK” 100% DANA UNIT AMANAH (UT)**

- 77 Promosi “Super Powerlink” 100% Dana Unit Amanah (“Promosi UT”) terbuka kepada semua pelanggan sedia ada dan baru HLB yang merupakan warganegara dan/atau bukan warganegara Malaysia (“Pelanggan HLB”).
- 78 Pelanggan HLB baru merupakan pelanggan yang tidak mempunyai sebarang akaun dengan HLB sebelum Tarikh Promosi.
- 79 Pelanggan yang berikut TIDAK layak untuk Promosi UT:
- i. Pelanggan HLB yang telah melakukan atau disyaki melakukan sebarang penipuan atau kesalahan yang berkaitan dengan mana-mana kemudahan yang diberikan oleh HLB atau telah diisytiharkan muflis atau tertakluk kepada sebarang prosiding kemuflihan pada bila-bila masa sebelum Tarikh Promosi.
  - ii. Pelanggan HLB yang telah melakukan, atau ditentukan oleh HLB yang berpromosi untuk melakukan sebarang kesalahan yang disebut

### **MEKANISMA**

- 80 Untuk menyertai Promosi ini, Pelanggan HLB dikehendaki melakukan dan memenuhi syarat/kriteria semasa Tarikh Promosi untuk layak mendapat kadar promosi Deposit Tetap 100%p.a. (“UT Promosi Kadar Deposit Tetap”):-
- (i) Melabur minimum amaun sebanyak RM30,000 (Amaun Pelaburan) dalam dana unit amanah (“UT”) yang terpilih dan disenaraikan dalam Lampiran 1 (“Pelaburan Terpilih”); dan

- (ii) Membuat perletakkan Deposit Tetap dalam akaun Deposit Tetap baru atau yang sedia ada untuk tempoh Deposit Tetap maksimum 1-bulan (“Tempoh”) dengan maksimum amaun Deposit Tetap tidak melebihi suku (1/4) kali Amaun Pelaburan dalam UT.

Untuk mengelakkan keraguan, Pelanggan HLB baru dikehendaki membuka akaun FD baharu dengan HLB semasa Tarikh Promosi (jika Pelanggan HLB tidak mempunyai Deposit Tetap) untuk mematuhi syarat ini, jika gagal. Pelanggan HLB tidak layak untuk menyertai Promosi UT ini.

81 Untuk mengelakkan keraguan, Pelanggan HLB yang ingin menikmati UT Promosi Kadar Deposit Tetap yang tersebut hendaklah:-

- (i) letakkan Pelaburan Terpilih dan Deposit Tetap perlu dilakukan serentak pada hari yang sama semasa Tarikh Promosi; dan
- (ii) Amaun Deposit Tetap maksimum yang boleh diletakkan serentak dengan Pelaburan Terpilih dinyatakan sebagai nisbah kepada amaun Pelaburan Terpilih.

82 Jadual berikut ilustrasikan mekanisma Promosi:-

Amaun UT Minimum	Caj Jualan UT Minimum	Nisbah UT:Deposit Tetap	Amaun Deposit Tetap Maksimum	Tempoh dan Kadar Promosi Deposit Tetap
RM30,000	4.00%*	4 UT : 1 FDeposit Tetap	tidak melebihi suku (1/4) kali AmaunUT	1-bulan Deposit Tetap 100% setahun

\*4.00% caj jualan merujuk kepada caj jualan UT minimum dikenakan kepada Pelaburan Terpilih

83 Pelanggan HLB yang melakukan dan mematuhi syarat-syarat yang dinyatakan dalam Fasal 80 dan 81 akan dirujuk sebagai pelanggan yang layak untuk Promosi UT (“Pelanggan Powerlink yang layak”).

84 Pelanggan Powerlink yang layak dikehendaki memilih Akaun CASA yang dibuka melalui HLB dengan nama pelanggan CASA mesti sama dengan nama Pelanggan Powerlink yang layak (“CASA Terpilih”). Faedah FD akan dikreditkan ke dalam CASA yang dinamakan milik Pelanggan Powerlink yang layak apabila Tempoh telah matang. Penambahan faedah kepada Jumlah Prinsipal Deposit Tetap tidak dibenarkan.

85 Jika Deposit Tetap dikeluarkan sebelum Tempoh matang, tiada faedah akan dibayar ke atas Deposit Tetap yang dikeluarkan sebelum lengkap tiga (3) bulan sebagaimana dinyatakan dalam peraturan Persatuan Bank-bank Malaysia (“ABM”), Seksyen E (v).

86 Apabila matang, Deposit Tetap akan diperbaharui secara automatik pada kadar terbitan semasa konvensional.

87 Pengeluaran sebahagian daripada Deposit Tetap adalah tidak dibenarkan.

88 Pengeluaran Deposit Tetap sama ada sebelum atau selepas tempoh matang hanya boleh dilakukan di cawangan asal iaitu cawangan di mana perletakkan Deposit Tetap dilakukan.

89 Tarikh tempahan Deposit Tetap akan dianggap sebagai tarikh perletakkan Deposit Tetap untuk produk Deposit Tetap terpilih dalam Pelaburan Terpilih.

90 Perletakkan amaun Deposit Tetap dan Amaun Pelaburan dalam Pelaburan Terpilih mesti dilakukan pada hari yang sama dan tidak boleh dikumpul dari hari yang berlainan.

91 Jika lebih dari satu (1) orang memohon Pelaburan Terpilih dan/atau akaun Deposit Tetap, akaun bersama mesti dibuka. Pemegang akaun bersama yang nama pertama di dalam rekod HLB akan menjadi pemegang akaun utama (“Pemegang Akaun Utama”) dan yang selain itu akan menjadi pemegang akaun kedua (“Pemegang Akaun Kedua”).

92 Pemegang Akaun Utama untuk kedua-dua akaun Pelaburan Terpilih dan akaun deposit tetap mestilah di bawah nama Pelanggan HLB yang sama.

93 HLB berhak untuk meminda dana-dana Pelaburan Terpilih yang mengambil bahagian yang disenaraikan dalam Lampiran 1 dari semasa ke semasa dalam Tarikh Promosi.

- 94 Pelanggan Powerlink yang layak bertanggungjawab dan secara peribadi perlu menanggung semua cukai-cukai yang berkaitan, yuran-yuran kerajaan atau sebarang caj lain yang mungkin dikenakan ke atas mereka di bawah undang-undang yang berkenaan, jika ada, yang berkaitan dengan penyertaan mereka di dalam Promosi ini.
- 95 Deposit Tetap TIDAK akan digunakan sebagai cagaran untuk tujuan mendapatkan sebarang kemudahan kredit yang diperolehi atau akan diperolehi oleh Pelanggan Powerlink yang layak.

## TRANSAKSI PELABURAN PRODUK

- 96 Pelaburan bersama dianggap sebagai pemilik nama pertama yang tertera dalam borang transaksi pelaburan untuk Pelaburan Terpilih (“Pemegang Akaun Utama Pelaburan”). Hanya Pemegang Akaun Utama Pelaburan layak mendapat UT Promosi Kadar Deposit Tetap di atas.
- 97 Sekiranya Pelanggan Powerlink yang layak melaksanakan hak bertenang Unit Amanah mereka atau mana-mana transaksi Pelaburan Terpilih telah ditolak atau dibatalkan oleh mana-mana pihak atas sebarang sebab, Pelanggan Powerlink yang layak TIDAK berhak mendapat UT Promosi Kadar Deposit seperti di jadual Fasal 82. Selaras dengan itu, dana-dana yang diletakkan dan didepositkan dalam Akaun Deposit tetap akan dikeluarkan dan tiada faedah akan dibayar sejajar dengan peraturan ABM.
- 98 Semua terma dan syarat, peraturan dan undang-undang sedia ada yang mentadbir transaksi Pelaburan Terpilih akan berkuat kuasa.
- 99 Terma dan syarat yang mentadbir transaksi dalam UT dan produk Pelaburan Terpilih dinyatakan secara tertentu dalam Prospektus dan Prospektus Tambahan terkini yang berkaitan dengannya (jika ada), yang telah didaftarkan dan diluluskan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia yang mana ia dikawalselia oleh dan ditadbir selaras dengan Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 (seperti dipinda) dan garis panduan serta arahan yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa berkaitan.

**Penafian Unit Amanah:** Dokumen ini bukan bertujuan sebagai pelawaan atau tawaran untuk melanggan unit amanah dan ia bukan penawaran oleh HLB untuk mendapatkan langganan unit amanah daripada sesiapa. Pelabur dinasihatkan agar membaca dan memahami kandungan prospektus yang telah didaftarkan dengan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, yang tidak bertanggungjawab ke atas kandungannya, sebelum melabur. Salinan prospektus boleh diperolehi daripada mana-mana cawangan kami atau pejabat Pengurus Dana. Sebarang terbitan unit yang berkaitan dengan prospektus hanya akan dibuat selepas menerima borang permohonan yang dirujuk dan dilampirkan dalam prospektus. Pelabur diingatkan bahawa terdapat yuran dan caj yang dikenakan dalam pembelian unit amanah. Pelabur dinasihatkan agar mempertimbangkan yuran dan caj berkenaan sebelum melabur dan merujuk dengan penasihat kewangan berlesen atau profesional mereka jika ada keraguan mengenai sebarang ciri atau jenis dana. Sila ambil perhatian bahawa harga unit dan agihan yang dibayar, jika ada, boleh naik atau turun. Prestasi lampau bukan indikasi prestasi masa hadapan. Pulangan ke atas pelaburan unit amanah tidak dijamin dan unit amanah tidak membentuk deposit bank atau tanggungjawab HLB dan ianya tidak dijamin atau diinsuranskan oleh HLB serta ia tertakluk kepada risiko pelaburan, termasuk kemungkinan kehilangan amaun prinsipal yang dilaburkan. Skim unit amanah dan unit-unit di dalam skim tersebut tidak diinsuranskan oleh PIDM dan sebarang wang yang dikeluarkan daripada deposit berinsurans untuk tujuan pembelian mana-mana unit dalam skim unit amanah tidak diinsuranskan oleh PIDM.

## UMUM

- 100 Pelanggan Akaun Deposit/-i Layak, Pemegang Kad Debit/-i Layak, Pelanggan FD/-i Layak, Pemohon Kad Kredit Layak, Pelanggan Pinjaman/Pembiayaan Auto-i, Berkelayakan, Pelanggan Pinjaman/Pembiayaan Peribadi-i Layak, Pelanggan Bank Layak, Pelanggan Pembiayaan Hartanah/-i Layak, Pelanggan SMF Layak, Pelanggan TT Layak dan Pelanggan Powerlink yang layak secara kolektif disebut “Pelanggan”.

Hadiah Deposit/-i, Hadiah Kad Debit/-i, Hadiah Kad Kredit, Pengecualian, Pulangan Tunai, e-Baucar, Hadiah Pembiayaan Hartanah/-i, Yuran Langganan “Equities Tracker”, Kadar FD/-i Promosi, Baucar TT dan UT Promosi Kadar Deposit Tetap secara kolektif disebut “Hadiah”.

Promosi Deposit/-i, Promosi Kad Debit/-i, Promosi FD/-i, Promosi Banka, Promosi Kad Kredit, Promosi Pinjaman/Pembiayaan Peribadi-i, Promosi Pinjaman/Pembiayaan Auto-i, Promosi Pembiayaan Hartanah/-i,

Promosi SMF, Promosi TT dan Promosi UT secara kolektif disebut “Promosi” dan setiap satunya disebut setiap Promosi”.

101 Dengan menyertai Promosi, Pelanggan:

- (i) bersetuju telah membaca, memahami dan bersetuju untuk mematuhi T&S Promosi;
- (ii) bersetuju bahawa keputusan HLB/HLISB atas segala hal berkaitan dengan Promosi adalah muktamad dan mengikat ke atas Pelanggan dan sebarang surat-menyurat dan/atau rayuan untuk mempertikaikan keputusan HLB/HLISB tidak akan dilayani;
- (iii) bersetuju bahawa T&S di dalam ini, Terma dan Syarat Am Akaun HLB/HLISB jika berkenaan hendaklah dibaca sebagai suatu perjanjian keseluruhan dan jika sekiranya terdapat sebarang percanggahan, maka T&S tertentu di dalam ini akan diutamakan setakat percanggahan tersebut; dan
- (iv) bersetuju untuk mengakses laman web HLB di [www.hlb.com.my](http://www.hlb.com.my) (“Laman Web HLB”) atau HLISB di [www.hlisb.com.my](http://www.hlisb.com.my) dari semasa ke semasa untuk menyemak T&S dan memastikan sentiasa mengikuti apa-apa pertukaran atau pindaan kepada T&S.

102 HLB/HLISB berhak:

- (i) menambah, menggugurkan, menggantung atau meminda T&S yang terkandung di dalam ini, sama ada keseluruhan atau sebahagian atas budi bicara mutlaknyanya, dengan cara menyiarkannya dalam Laman Web HLB/HLISB atau dengan apa-apa cara lain yang HLB/HLISB anggap sesuai
- (ii) menggantikan mana-mana atau kesemua Hadiah dengan produk lain yang sama nilainya pada bila-bila masa tanpa memberi notis awal;
- (iii) melucutkan kelayakan mana-mana Pelanggan atas apa jua sebab sekalipun yang HLB/HLISB dapati wajar atas budi bicara mutlak, daripada menyertai Promosi dan/atau layak mendapat Hadiah jika sekiranya T&S di dalam ini tidak dipatuhi.

103 Hadiah adalah dihadkan kepada satu (1) bagi setiap pemohon baharu atas dasar siapa cepat dia dapat dan tertakluk kepada ketersediaan stok semasa Tarikh Promosi dan tertakluk kepada terma dan syarat setiap Promosi

104 Hadiah dihadkan kepada satu (1) setiap satu bagi setiap Pelanggan Pembiayaan Hartanah/-i Layak baharu atau sedia ada atas dasar siapa cepat dia dapat dan tertakluk kepada ketersediaan stok semasa Tarikh Promosi.

105 Pelanggan yang telah melakukan atau disyaki melakukan sebarang penipuan atau kesalahan undang-undang berkaitan dengan mana-mana kemudahan yang diberi oleh HLB/HLISB atau telah diisytiharkan muflis atau bakal dikenakan prosiding kemuflihan pada bila-bila masa sebelum atau semasa Tarikh Promosi TIDAK layak menyertai Promosi dan/atau TIDAK layak mendapat Hadiah.

106 Pelanggan bertanggungjawab dan akan menanggung segala cukai berkenaan, yuran kerajaan, segala kos berkaitan dengan penghantaran atau pemasangan atau apa-apa caj lain yang mungkin dikenakan terhadap mereka di bawah undang-undang berkenaan, jika ada, berkaitan dengan penyertaan dalam Promosi dan/atau pengambilan Hadiah.

107 Pemberian Hadiah adalah atas dasar “Sebagaimana Ada”. Hadiah yang dipaparkan dalam semua bahan bercetak dan/atau laman web adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja. Apa-apa prop, aksesori atau peralatan yang dipaparkan bersama Hadiah dalam mana-mana bahan bergambar adalah untuk tujuan hiasan dan bukan sebahagian daripada Hadiah.

108 HLB/HLISB tidak memberi representasi atau waranti berkenaan dengan kualiti atau kesesuaian Hadiah, dan tidak bertanggungjawab untuk menggantikan sebarang Hadiah hilang, dicuri atau rosak (sama ada disebabkan kecacatan bahan atau mutu kerja oleh syarikat pembuat di bawah waranti atau tidak). Pelanggan hendaklah berurus terus dengan peniaga dan/atau syarikat pembuat bagi segala maklumat waranti dan tuntutan tanpa bantuan HLB/HLISB.

109 Hadiah tidak boleh dipindah milik kepada mana-mana pihak ketiga dan tidak boleh ditukar untuk wang tunai muka, kredit, cek atau manfaat barangan. Jika Hadiah Penerimaan Pembiayaan Hartanah/-i, Hadiah TT, dan/atau e-Baucar masih tidak digunakan selepas tarikh habis tempoh yang ditetapkan, maka Hadiah Penerimaan Permbiayaan Hartanah/-i, Hadiah TT, dan/atau e-Baucar akan luput dan tidak akan diganti oleh HLB/HLISB.

110 Jika sekiranya terdapat sebarang percanggahan antara T&S ini berbanding dengan mana-mana bahan pengiklanan, promosi, publisiti dan bahan lain berkaitan atau bersabit dengan Promosi, maka T&S muktamad dalam Laman Web HLB/HLISB akan diutamakan.

111 T&S di dalam ini adalah tertakluk kepada dan ditafsirkan menurut undang-undang Malaysia dan Pemegang Akaun bersetuju untuk akur kepada bidang kuasa Mahkamah-mahkamah Malaysia.

112 Perkataan yang menandakan satu jantina adalah termasuk semua jantina lain dan perkataan yang menandakan tunggal adalah termasuk jamak dan begitu juga sebaliknya.

**Produk Deposit dan Produk Insurans layak dilindungi oleh PIDM.**

Lampiran 1 - Pelaburan Terpilih:

No.	Kod	Nama Dana	Jenis Aset
-----	-----	-----------	------------



1	AM02	AmGlobal Property Eq	Ekuiti
2	AM03	AmSchroder European Equity Alpha	Ekuiti
3	AM04	AmOasis Global Islamic Equity	Ekuiti
4	AM05	AmPan European Property Equities	Ekuiti
5	AM10	AmPrecious Metal	Ekuiti
6	AM23	AMISLAMIC BALANCED	Aset Campuran
7	AM25	AMASIA PACIFIC REITS	Ekuiti
8	AM33	AmAsia Pacific REITs Plus	Ekuiti
9	AM35	Global Dividend	Ekuiti
10	CIMB01	CIMB-Principal Global Titans	Ekuiti
11	CIMB04	CIMB-Principal Greater China Equity	Ekuiti
12	CIMB07	CIMB-Principal China-India-Indonesia Eq	Ekuiti
13	CIMB10	CIMB-Principal Equity	Ekuiti
14	CIMB12	CIMB Islamic Balanced	Aset Campuran
15	CIMB13	CIMB Islamic DALI Equity	Ekuiti
16	CIMB18	CIMB-Principal Equity Income	Ekuiti
17	CIMB19	CIMB-Principal Inc Plus Balanced	Aset Campuran
18	CIMB29	CIMB-Principal Asia Pacific Dynamic Inc	Ekuiti
19	CIMB31	CIMB Islamic Equity Aggressive	Ekuiti
20	HLG01	Hong Leong Growth	Ekuiti
21	HLG02	Hong Leong Penny Stock	Ekuiti
22	HLG04	Hong Leong Consumer Products Sector	Ekuiti
23	HLG09	Hong Leong Dana Makmur	Ekuiti
24	HLG11	Hong Leong Balanced	Aset Campuran
25	HLG12	Hong Leong Dana Maarof	Aset Campuran
26	HLG14	Hong Leong Dividend	Ekuiti
27	HLG15	Hong Leong Strategic	Ekuiti
28	HLG37	Hong Leong HK Equity Optimizer	Ekuiti
29	HWA01	Affin Hwang Select Opportunity	Ekuiti
30	HWA02	Affin Hwang Aiiman Growth	Ekuiti
31	HWA03	Affin Hwang Select Balanced	Aset Campuran
32	HWA11	Affin Hwang Sel AsaPac exJpn REITs&Infra	Ekuiti
33	HWA18	Affin Hwang Select Dividend	Ekuiti
34	HWA19	Affin Hwang Select Asia (ex Jpn) Quantum	Ekuiti
35	HWA25	Affin Hwang Select Asia (ex Japan) Opp	Ekuiti
36	HWA28	Affin Hwang Japan Growth	Ekuiti
37	OSK02	RHB Small Cap Opportunity Unit Trust	Ekuiti
38	OSK09	RHB Smart Treasure	Ekuiti
39	OSK10	RHB Smart Balanced	Aset Campuran
40	OSK12	RHB Growth & Income Focus	Aset Campuran
41	OSK16	RHB Resources	Ekuiti
42	OSK21	RHB Thematic Growth	Ekuiti
43	OSK24	RHB Asian Growth Opportunities	Ekuiti
44	OSK30	RHB Energy	Ekuiti
45	OSK31	RHB Gold and General	Ekuiti
46	OSK34	RHB US Focus Equity	Ekuiti
47	OSK40	RHB Multi Asset Regular Income	Aset Campuran
48	OSK43	RHB Asian Income	Income
49	OSK45	RHB GoldenLife 2020	Aset Campuran
50	OSK46	RHB GoldenLife 2030	Ekuiti
51	PRU01	Eastspring Investments Small-cap	Ekuiti
<b>No.</b>	<b>Kod</b>	<b>Nama Dana</b>	<b>Jenis Aset</b>
52	PRU02	Eastspring Investments Growth	Ekuiti
53	PRU03	Eastspring Investments Balanced	Aset Campuran

54	PRU05	Eastspring Investments dana al-ilham	Ekuiti
55	PRU10	Eastspring Investments Equity Income	Ekuiti
56	PRU11	Eastspring Investments Global Leaders MY	Ekuiti
57	PRU15	Eastspring Investments Global Basics MY	Ekuiti
58	PRU23	Eastspring Investments MY Focus	Ekuiti
59	PRU26	Eastspring Inv Global Emerging Markets	Ekuiti
60	PRU30	Eastspring Investments ASEAN al-Adiil	Aset Campuran
61	TA03	TA European Equity	Ekuiti
62	TA04	TA Asian Dividend Income	Ekuiti
63	TA05	TA Global Technology	Ekuiti
64	TA10	TA GROWTH	Ekuiti